



Antara pameran di UAE yang mendapat perhatian masyarakat tempatan dan pengumpul lukisan antarabangsa.

Malaysia perlu contohi cara UAE promosi seni visual

» Aktiviti pameran, pemasaran hebat di Dubai dan Abu Dhabi di sebalik skeptikal masyarakat terhadap masa depan pengajiannya di universiti

Peluang sebagai pensyarah jempuan selama setahun di Kolej Seni Halus dan Rekabentuk, Universiti Sharjah, Emiriah Arab Bersatu (UAE) membuka perspektif baharu kepada penulis dalam melihat perkembangan dan penerimaan seni visual dalam masyarakat dan pelajar seni di Asia Barat.

UAE merangkumi tujuh emiriah iaitu Dubai, Abu Dhabi, Sharjah, Ajman, Fujairah, Ras al-Khaimah dan Umm al-Quwain tetapi kewujudan sekolah seni di negara ini agak terhad dengan hanya beberapa universiti saja menawarkan kursus seni halus dan reka bentuk dalam kurikulum mereka.

Monopoli pelajar antarabangsa

Universiti yang menawarkan kursus ini lebih tertumpu di Dubai, Abu Dhabi dan Sharjah, sekali gus menjadi antara penyebab utama faktor perkembangan dan penerimaan seni visual yang lebih tertumpu di ketiga-tiga emiriah itu.

Penulis merujuk kepada

sambutan dan penerimaan pelajar dalam konteks kursus yang ditawarkan di Kolej Seni Halus dan Reka Bentuk, Universiti Sharjah dengan bidang yang ditawarkan ialah Seni Halus, Grafik Multimedia, Seni Bina Dalaman dan Pesyen.

Sebahagian besar pelajar seni dalam kalangan pelajar antarabangsa terutama dari Asia Barat seperti Arab Saudi, Lubnan, Syria dan Palestin, selain Afrika. Malah, ada juga yang datang dari Barat seperti Amerika Syarikat (AS) dan Britain.

Hanya sebahagian kecil pelajar berasal dari UAE sendiri yang dilihat luar biasa kerana peluang menyambung pengajian dalam bidang seni di negara itu lebih dimonopoli oleh masyarakat negara serantau.

Ibu bapa skeptikal

Faktor lain yang menyumbang kepada kurangnya pelajar UAE dalam bidang seni ialah kebanyakan rakyatnya berkemampuan untuk menghantar anak ke luar negara bagi menyambung pengajian, selain tidak

melihat bidang seni sebagai bidang yang mempunyai masa depan.

Ini dapat dilihat semasa penulis terbabit pada hari terbuka fakulti yang kebanyakan ibu bapa masih skeptikal dalam melihat masa depan anak sekiranya menyambung pengajian dalam bidang seni.

Sudah tentu situasi ini tidak jauh berbeza dengan apa yang berlaku di Malaysia ketika ini. Ramai ibu bapa dan pelajar tidak jelas terhadap manfaat yang bakal diperoleh selepas tamat pengajian dalam bidang seni sehingga memerlukan anjakan paradigma sekiranya kita ingin melihat perkembangan lebih positif dalam perkembangan seni visual di negara ini.

Walaupun pelajar dan ibu bapa agak skeptikal dalam perkara ini, penerimaan bidang seni di negara ini masih memberangsangkan dengan kemasukan pelajar dari negara Asia Barat yang lain. Perkembangan seni visual di UAE juga amat menggalakkan terutama berkaitan pameran dan pasaran hasil seni.

Aktiviti jual beli proaktif

Pasaran seni di Dubai dan Abu Dhabi antara yang terbesar di dunia dengan aktiviti jual beli begitu proaktif dalam kalangan pengumpul seni sama ada dari rakyatnya sendiri mahupun masyarakat luar. Dengan kuasa beli masyarakat UAE yang tinggi, karya seni mampu dibeli dengan mahal sehingga mendorong ramai seniman dan pelukis tempatan serta antarabangsa tertumpu di negara itu untuk memasarkan karya.

Penulis berpeluang melawat pameran Abu Dhabi Art 2014 di Saadiyat Cultural District dan melihat sendiri tahap profesional mereka yang terbabit dalam menguruskan pameran seni moden serta kontemporari pada skala besar.

Malam pembukaan pameran itu menyaksikan jumlah pengunjung yang amat memberangsangkan, sekali gus memperlihatkan minat pengumpul seni tempatan dan serantau terhadap karya yang dipamerkan.

Pasaran lebih besar

Dua karya artis, Steven

Naifeh yang diwakili oleh Galeri Heller sebagai contoh dijual pada harga A\$20,000 (RM86,000) dan A\$30,000 (RM129,000) kepada pembeli di Abu Dhabi serta Doha yang menunjukkan kebolehpasaran karya seni dalam pasaran negara itu.

Sementara itu, Art Dubai 2014 pula mengumpul lebih 500 karya dari pelbagai negara dengan harga yang ditawarkan kebanyakannya di bawah A\$100,000 (RM430,000). Malah, hasil jualan bagi pameran itu dianggarkan dalam A\$40 juta hingga A\$45 juta (RM172 juta hingga RM193 juta) yang sebenarnya adalah jumlah jualan amat besar bagi satu pameran seni kontemporari.

Jualan meningkat, keyakinan berterusan

Menurut laporan Middle Eastern Art Market, jualan pasaran seni moden dan kontemporari meningkat di Asia Barat sebanyak 21 peratus pada tahun 2014 dengan jualan terakhir oleh Rumah Lelongan Christie di Dubai pada Mac lalu adalah 7.6 peratus lebih tinggi daripada tahun sebelumnya.



DR YAKUP MOHD RAFFEE